

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD**  
**[LANGKAWI]**

**SOALAN**

**DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah Kementerian memperuntukkan kewangan bagi pembinaan empangan atau penyaluran air dari Perlis ke Langkawi bagi menangani masalah bekalan air pada tahun-tahun mendatang.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman YB Langkawi, Kerajaan pada masa ini tidak mempunyai perancangan sama ada untuk membina empangan bekalan air di Kedah atau Perlis, ataupun menyediakan peruntukan untuk menyalurkan air dari Perlis ke Langkawi. Sebaliknya apa yang akan dilakukan ialah untuk meneroka sumber-sumber air sedia ada yang terdapat di Langkawi itu sendiri melalui kaedah-kaedah yang lebih kos efektif.

Sehubungan dengan ini, Kementerian ini telah mengemukakan permohonan sumber air dalam *Rolling Plan 3 (RP3)* bagi Projek Pembangunan Skim Bekalan Air Langkawi kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). Antara skop yang dicadangkan termasuk pembinaan *Off River Storage (ORS)* berkapasiti 15 MCM dan naik taraf sistem pam di Padang Mat Sirat dengan kos berjumlah RM600 juta. Sekiranya diluluskan oleh pihak EPU, JPM, projek ini dijangka dapat dimulakan pada 2018 dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.

134

Projek ini dijangka dapat menampung keperluan permintaan air yang semakin meningkat di Langkawi sehingga tahun 2040.

Sekian, terima kasih.

---

## SOALAN ( 459 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD  
[LANGKAWI]**

**SOALAN :-**

**YB DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah balai bomba di kawasan Padang Matsirat, Langkawi.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan Projek Pembinaan Baru Balai Bomba Dan Kuarters Padang Mat Sirat, Langkawi, Kedah dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2018 dengan kos projek keseluruhan berjumlah RM 30,000,000.00 dan siling peruntukan bagi tahun 2018 sebanyak RM 500,000.00. Proses pembinaan di tapak dijangka akan bermula pada bulan April Tahun 2018 dan pembinaan akan mengambil masa selama 3 tahun.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017